



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**BRUNEI DARUSSALAM MERATIFIKASI PERJANJIAN *REGIONAL*
*COMPREHENSIVE ECONOMIC PARTNERSHIP (RCEP)***

11 OKTOBER 2021

1. Negara Brunei Darussalam telah meratifikasi perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) setelah menyerahkan instrumen ratifikasi kepada Setiausaha Agung ASEAN pada 11 Oktober 2021.
2. Ratifikasi awal perjanjian RCEP oleh Negara Brunei Darussalam menandakan komitmen Negara untuk menyokong usaha pemulihan pasca wabak di rantau ini, mempertingkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan, mewujudkan peluang baru untuk peniaga-peniaga Negara Brunei Darussalam serta sokongan terhadap peraturan yang terbuka, inklusif, berdasarkan peraturan sistem perdagangan pelbagai hala.
3. Perjanjian RCEP telah ditandatangani pada Sidang Kemuncak RCEP ke-4 pada 15 November 2020 oleh Negara-negara anggota ASEAN iaitu Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam serta rakan-rakan dialog ASEAN iaitu Australia, China, Jepun, Republik Korea dan New Zealand. Dilancarkan pada tahun 2012, Perjanjian RCEP yang mengambil masa 8 tahun ini adalah perkongsian ekonomi yang moden, komprehensif, berkualiti tinggi dan saling mempunyai manfaat kepada Negara-negara anggota ASEAN dan rakan kongsi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).



4. Sebagai FTA serantau terbesar di dunia yang terdiri daripada kira-kira 30% daripada GDP global dan kira-kira satu pertiga daripada penduduk dunia, Negara Brunei Darussalam diharapkan mendapat manfaat daripada RCEP kerana ianya akan memperluaskan dan mengeratkan hubungan ekonomi di antara rakan-rakan RCEP; dan memberikan peluang baru untuk pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga Negara Brunei Darussalam terutamanya dari segi akses pasaran berikutan tahap liberalisasi yang meluas untuk perdagangan barang, perkhidmatan dan pelaburan.
5. Menyedari bahawa potensi penuh RCEP hanya dapat dicapai setelah Perjanjian tersebut berkuatkuasa, Negara Brunei Darussalam berharap agar rakan-rakan Perjanjian RCEP yang lain akan dapat mempercepatkan prosedur ratifikasi domestik masing-masing kearah penguatkuasaannya.
6. Perjanjian RCEP akan berkuatkuasa 60 hari setelah enam (6) negara-negara anggota ASEAN dan tiga (3) rakan kongsi FTA ASEAN telah menyerahkan instrumen ratifikasi, penerimaan atau persetujuan mereka kepada Setiausaha Agung ASEAN, sebagai penyimpan (*depository*) untuk Perjanjian RCEP. Perjanjian RCEP disasarkan untuk berkuatkuasa pada 1 Januari 2022.
